

ALOR SETAR, 14 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH PARA PETANI MAT PENTING DAN KERAJAAN TELAH, SEDANG AKAN TERUS MEMBERI PERHATIAN SERIOUS TERHADAP BIDANG PERTANIAN.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA DAN RAKYAT TETAP MENGHARGAI KHIDMAT YANG DIBERI OLEH PARA PELADANG UNTUK MEMBEKAL BAHAN-BAHAN MAKANAN.

TANPA USAHA MEREKA, NEGARA AKAN KEKURANGAN MAKANAN DAN DENGAN ITU TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA IMPORT DARI LUAR, KATANYA KETIKA MELANCARKAN PERAYAAN HARI PELADANG DI TAPAK PESTA, JALAN KANCUT DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DI KEDAH SAHAJA RATUAN JUTA RINGGIT TELAH DIBELANJAKAN BUKAN SAHAJA UNTUK MENINGKATKAN PENGELUARAN HASIL PERTANIAN TETAPI UNTUK MEMBANTU PELADANG.

PENGELUARAN HASIL PADI JUGA TELAH MENINGKAT DENGAN PENUBUHAN RANCANGAN PERAIRAN MUDA YANG BERMAKNA SEBIDANG TANAH YANG BOLEH MENGELUARKAN HASIL \$80 SETAHUN PADA SATU MASA DULU SEKARANG BOLEH MENGHASILKAN \$800. -- BERSAMBUNG 1305/1B

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN PERBELANJAAN MENANAM DAN LAIN-LAIN MENINGKAT TETAPI IA MASIH RENDAH JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PENDAPATN YANG BERTAMBAH JAUH TINGGI SEKARANG.

KATANYA, KAUM PELADANG SEHARUSNYA BERSYUKUR KERANA PENDAPATAN YANG BERTAMBAH DENGAN ADANYA USAHA YANG BERTAMBAH DARI KERAJAAN DAN JUGA PELADANG.

+MEMANG BENAR KERAJAAN MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB TETAPI USAHA PELADANG ITU SENDIRI HENDAKLAH DITINGKATKAN KERANA TIDAK ADA GUNA HARGA PADI DINAIKKAN MENJADI \$40 SEPIKUL JIKA PETANI TIDAK MENANAM PADI DUA KALI SETAHUN+, KATANYA.

BELIAU BERKATA BANYAK TANAH KAMPUNG YANG TIDAK DIUSAHAKAN KERANA RUMAH-RUMAH KAMPUNG BERTABURAN DENGAN TIDAK TENTU ARAH DAN BANYAK TANAH DIANTARA RUMAH-RUMAH ITU TIDAK DITANAM DENGAN APA JENIS TUMBUHAN PUN.

KATANYA, USAHA PERLU DIBUAT UNTUK MENGGUNAKAN TANAH YANG TERDAPAT UNTUK MENAMBAHKAN HASIL PENGELUARAN DAN PENDAPATAN DENGAN MENANAM TANAMAN-TANAMAN, DAN MENTERNAK BINATANG DAN IKAN.
-- BERSAMBUNG 1315/1B

B517:

MAHATHIR & ALOR SETAR

PENDAPATAN JUGA AKAN BERTAMBAH JIKA PARA PETANI DAN PELADANG TANAM SECARA, BERKELOMPOK DENGAN JADUAL DAN CARA YANG LEBIH TERATUR DAN INI BERKEHENDAKKAN PERUBAHAN SIKAP DAN KESANGGUPAN BEKERJA KUAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA LARANGAN DALAM AGAMA ATAU ADAT TERHADAP PERUBAHAN SIKAP KEPADA YANG LEBIH MENGUNTUNGGAN DAN KESANGGUPAN BEKERJA LEBIH KUAT.

+ MEMANG ADA MEREKA YANG AKAN DATANG DENGAN HUJAH-HUJAH SEPERTI YANG DIUTARAKAN DIMASA RANCANGAN PERAIRAN MUDA DI BINA, IAITU KITA TIDAK HARUS KEJAR KEBENDAAN+.

+ JIKALAU KITA TIDAK HARUS KEJAR KEBENDAAN DAN DUIT RINGGIT, KENAPAKAH MEREKA BUAT BISING BERHUBONG DENGAN HARGA PADI. SEBENARNYA KATA-KATA MEREKA ADALAH SEMATA-MATA HELAH POLITIK SAHAJA DAN TIDAK LEBIH DARI ITU, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DIBERI TEPUKAN APABILA BELIAU BERKATA GULUNGAN TERSEBUTLAH YANG LEBIH KUAT MENGEJAR SUBSIDI PADI DARI ORANG LAIN. —BERSAMBUNG 1320/1B

B518:

MAHATHIR & ALOR SETAR

193

KATANYA, KERAJAAN BERSEDIA UNTUK MENOLONG JIKA RAKYAT, TERUTAMA, PELADANG MAHU MENGUBAH SIKAP DAN BEKERJA RAJIN.

MENGENAI HARI PELADANG DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IANYA TIDAK BERTUJUAN UNTUK MENDABIK DADA TETAPI SEBAGAI SATU KESEDARAN BAHAWA USAHA DAN KERAJINAN MEMPUNYAI HASIL DAN BALASANNYA.

TURUT SAMA DALAM UPACARA TERSEBUT IALAH MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN, MENTERI BESAR PERLIS, DATUK JAAFAR HASSAN, MENTERI PERTANIAN, DATUK ABDUL MANAN OTHMAN, MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, DATUK SHARIFF AHMAD DAN MENTERI PERTANIAN INDONESIA PROFESSOR SOEDARSONO HADISAPOETRO.

LEBIH 3,000 ORANG PELADANG DARI SELURUH NEGARA TELAH HADIR DI MAJLIS TERSEBUT YANG DI DAHULUI DENGAN PERARAKAN JENTERA-JENTERA PERTANIAN DAN PELADANG-PELADANG DARI SELURUH SEMENANJUNG. — BERNAMA 1325/1B